



Kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya

Sarmila Md Sum, Zaimah Ramli, Nur Shafiqah Mohd Sabri

Program Sains Pembangunan, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaran (SEEDS),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Sarmila Md Sum (email: sarmila.mdsun@ukm.edu.my)

Received: 09 February 2021; Accepted: 18 August 2021; Published: 30 November 2021

Abstrak

Bidang Keusahawanan merupakan satu bidang kerjaya yang dapat membantu mengurangkan pengangguran negara serta memberi alternatif kepada peluang pekerjaan. Namun begitu, kajian mendapati bidang ini masih kurang dipilih oleh para graduan sebagai pilihan kerjaya. Sehubungan itu kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauhmanakah graduan bersedia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah tamat pengajian. Kajian telah dijalankan kepada 400 graduan Universiti Kebangsaan Malaysia. Soalselidik telah diedarkan bagi menilai tahap kesediaan graduan melalui kesediaan mereka untuk 1) melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan, 2) bercita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan 3) mempunyai semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan 4) mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan 5) menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan 6) berusaha untuk memulakan perniagaan. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan graduan untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya melalui enam indikator ini menunjukkan skor purata min yang tinggi (min purata 3.47). Namun begitu penelitian terhadap skor bagi indikator kesediaan graduan menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan kesediaan untuk memulakan perniagaan menunjukkan tahap skor min yang sederhana. Kajian ini memberi indikasi bahawa walaupun para graduan secara relatif bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi usahawan, memandang serius cita-cita menjadi usahawan, bersemangat tinggi untuk menceburkan diri dalam dunia usahawan dan bersedia untuk mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai usahawan, namun untuk benar-benar melaksanakan perniagaan dan menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan masih berada pada tahap kesediaan yang sederhana. Sehubungan itu, usaha bagi membantu para graduan untuk menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan seterusnya bersedia menjalankan perniagaan perlu diberikan perhatian dalam program keusahawanan graduan.

Katakunci: Keusahawanan, kerjaya, kesediaan keusahawanan, kerjaya graduan, pengangguran

Graduates' readiness in choosing entrepreneurship as a field of career

Abstract

Entrepreneurship is a career field that can help to reduce national unemployment as well as provide employment alternatives to graduates. However, studies found that this field is still less chosen by graduates as a career choice after their graduation. Accordingly, this study aims to examine the extent to which graduates are willing to choose the field of entrepreneurship as a career choice after graduation. The study was conducted on 400 graduates of Universiti Kebangsaan Malaysia. Questionnaires were distributed to assess the level of readiness of graduates through their willingness to 1) do anything to become entrepreneurs, 2) take seriously the ambition to venture into the world of entrepreneurship 3) have high passion to be an entrepreneur 4) find opportunities and support to start a career as an entrepreneur 5) target entrepreneurship as a job and 6) strive to start a business. The results of the study found that the level of readiness of graduates to choose entrepreneurship as a career field through these six indicators showed a high average mean score (average mean of 3.47). However, the score for the readiness of graduates to target entrepreneurship as a job and the willingness to start a business indicates a moderate level of mean score. This study gives an indication that although graduates are relatively willing to make all effort to become entrepreneurs, take seriously the ambition to become entrepreneurs, have a strong desire to venture into the world of entrepreneurs and are willing to seek opportunities and support to start a career as an entrepreneur, but to truly run a business and target entrepreneurship as a job is still at a moderate level of readiness. In this regard, efforts to make graduates ready to do business and target entrepreneurship as a job should be given attention in the graduate entrepreneurship program.

Keywords: Entrepreneurship, career, entrepreneurial readiness, graduate career, unemployment

Pengenalan

Penglibatan masyarakat dalam bidang keusahawanan dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara serta dapat mewujudkan peluang pekerjaan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran negara. Sehubungan itu kerjaya dalam bidang keusahawanan merupakan satu pekerjaan yang perlu diberikan perhatian oleh para graduan dalam usaha mengatasi pengangguran yang sering dikaitkan dengan graduan lepasan universiti (Sarimah Che Hassan e tal., 2020; Nabi & Holden, 2008). Namun begitu, kajian mendapati pilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan masih rendah dikalangan graduan di Malaysia (Pengajian Pendidikan Tinggi 2020; Norasmah & Salmah, 2011). Menurut laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019, majoriti graduan memilih untuk bekerja dengan organisasi swasta (70.6 peratus) dan organisasi kerajaan (10.7 peratus). Manakala 6.5 peratus memilih untuk bekerja sendiri, 5.1 peratus bekerja dengan keluarga dan hanya 4.8 peratus yang bekerja sebagai majikan. Ini memberi indikasi bahawa bidang keusahawanan sebagai kerjaya masih belum secara serius dipilih oleh para graduan di Malaysia sebagai bidang kerjaya kerana graduan yang bekerja sendiri dan juga graduan yang memilih menjadi majikan masih rendah.

Namun begitu, kerajaan telah mewujudkan pelbagai program keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan bagi tujuan melahirkan usahawan yang berdaya saing

serta meningkatkan jumlah usahawan negara. Merujuk kepada laporan dalam kajian Bosma et al. (2021) terhadap aktiviti keusahawanan global, jumlah penubuhan awal keusahawanan menunjukkan peratusan yang tinggi oleh graduan berbanding bukan graduan di kebanyakan negara dunia. Keadaan ini selari dengan usaha kerajaan yang juga telah melaksanakan pelbagai dasar dan program supaya graduan didedahkan dengan ilmu keusahawanan ketika di institusi pengajian tinggi melalui Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi yang diperkenalkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2010. Tujuan dasar ini adalah untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan demi melahirkan modal insan yang berkualiti yang mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan di samping melahirkan lebih ramai usahawan yang berinovasi di Malaysia yang mampu menjadi pemangkin terhadap peningkatan ekonomi negara menjelang tahun 2020 (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015).

Sehubungan itu, semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diwajibkan mengambil kursus keusahawanan sebagai pendedahan awal untuk menjadi usahawan (Sarmila Md Sum, et al., 2019; Fazli Abdullah, 2006). Modul itu adalah sebahagian daripada program insaniah untuk menerapkan nilai keusahawanan dalam bidang tersebut dan menjadi pemangkin kepada graduan untuk bersedia memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

Pada tahun 2019, kerajaan telah meningkatkan tumpuan agenda kerajaan dalam bidang keusahawanan dengan membangunkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang mempunyai lima objektif yang perlu dicapai sebelum tahun 2030 iaitu mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan. Dasar ini juga bertujuan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan, meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan dan kompetitif. Pembangunan DKN juga adalah usaha kerajaan dalam mempertingkatkan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta koperasi dan seterusnya supaya masyarakat menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Dasar ini akan bertindak sebagai pemangkin kepada pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bernaung serta terus membangun secara mapan dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif untuk muncul sebagai paksi ekonomi Asia (Dasar Keusahawanan Nasional, 2019). Pembudayaan keusahawanan di Malaysia ini berpotensi menambah peluang pekerjaan kepada rakyat dan menjadikan budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan untuk membincangkan sejauh mana graduan di Malaysia bersedia untuk menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjaya selepas bergraduasi. Kajian akan dijalankan dengan mengambil graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam sebagai kajian kes memandangkan graduan ini telah diberikan pendedahan kepada keusahawanan secara formal dalam kurikulum pengajian di IPTA.

Kesediaan keusahawanan

Kesediaan merujuk kepada status dalaman individu untuk melaksanakan sesuatu dalam sesuatu keadaan (Mok, 2003). Manakala menurut Ahmad Zanzali & Rahmat (2010) kesediaan dalam bidang kerjaya pula didefinisikannya sebagai kemahiran dalam melaksanakan aktiviti kerja, menerima persekitaran pekerjaan, faktor keadaan fizikal dan keyakinan diri terhadap pekerjaan itu sendiri. Antara faktor yang sering mempengaruhi kesediaan pelajar dan graduan dalam menceburi

bidang kerjaya adalah faktor minat, faktor pekerjaan, faktor ibu bapa, faktor pengetahuan dan faktor sekolah atau institusi. Namun begitu, Othman et al. (2011) berpandangan tahap kesediaan dalam diri perlu seiring dengan usaha terhadap kesediaan tersebut. Tahap kesediaan atau kata dasarnya adalah 'sedia' merupakan elemen yang penting untuk menjadi galakan kepada individu serta membantu dalam membuat pemilihan kerjaya mereka.

Suhaili (2015) menegaskan kesediaan seseorang bergantung pada individu itu sendiri dalam melakukan sesuatu yang diinginkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Hal ini kerana kesediaan ini dipengaruhi oleh minat seseorang yang akan mendorong ke arah kecenderungan kerjaya pilihan mereka. Pada masa yang sama kesediaan graduan menghadapi dunia pekerjaan juga merupakan aspek penting yang sangat diperlukan oleh majikan di organisasikan mahupun industri. Ini kerana, kesediaan yang cukup daripada segi mental dan fizikal mampu mengelakkan bakal graduan daripada mengalami kejutan budaya apabila mula memasuki alam pekerjaan (Arsat & Rasid, 2010). Oleh itu, kajian ini merujuk kesediaan graduan sebagai kesediaan dalam melaksanakan aktiviti kerja serta kesediaan untuk menjalankan usaha bagi melaksanakan pekerjaan itu sendiri.

Definisi kerjaya pula adalah penglibatan secara berterusan dalam sesuatu bidang serta perkembangan dan kemajuan seseorang bagi mencari nafkah atau menyambung kehidupan (Mansor 2012). Manakala kerja dirujuk sebagai usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan. Perbincangan awal berkaitan kedua-dua perkata ini telah dibuat lebih awal oleh Schein (1978) yang menerangkan bahawa kerjaya merupakan siri pengalaman pekerjaan dan peranan yang akan dilalui oleh kehidupan seseorang sehingga bersara manakala kerjaya merangkumi semua persediaan sebelum seseorang individu memasuki dunia pekerjaan sebenar Sidek (2006). Sehubungan itu pemilihan kerjaya adalah proses yang penting dimana individu memilih dan merancang apa yang akan dilaksanakan dan diusahakan dalam kehidupan (Mansor 2001, Mohamed Ramli, 2010) dan merupakan keperluan psikologi, ekonomi dan sosial individu dan ini direalisasikan dengan tindakan melakukan kerja sehingga berjaya (Che Din, 2002).

Menurut Abdul Rahman (2000), kerjaya individu berkembang secara dinamik dan sentiasa mengikut arus perubahan yang berlaku dalam kelompok masyarakat yang mana ia merupakan salah satu daripada pelbagai aktiviti sosial yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu untuk menggabungkan individu dengan masyarakatnya. Malahan, kerjaya juga merupakan satu proses interaksi di antara individu dengan persekitaran mereka yang membawa mereka kepada berlakunya transisi kerjaya di samping mencetuskan faktor-faktor pemilihan kerjaya serta keperluan menyesuaikan diri antara kehendak organisasi dan diri sehingga mendorong pergerakan kerjaya mereka (Chen, 2003; Shcein, 1978). Kajian ini akan menggunakan istilah bidang kerjaya sebagai penglibatan dalam sesuatu bidang serta perkembangan dan kemajuan seseorang bagi mencari nafkah atau menyambung kehidupan.

Kajian Mohd Shahzuan (2015) yang meneliti tahap kesediaan peserta program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk menceburi bidang keusahawanan di Kolej Komuniti di Johor menunjukkan tahap kesediaan peserta program berkenaan dari aspek pengetahuan keusahawanan berada di tahap sederhana tinggi iaitu dengan skor min 3.67. Manakala, dari aspek kesediaan berasaskan minat keusahawanan pula berada pada tahap tinggi iaitu dengan min skor 4.13. Kajian ini juga mengkaji kesediaan terhadap kebolehan keusahawanan yang mana didapati berada pada tahap sederhana iaitu dengan skor min 3.88.

Manakala kajian Malisa Aini (2009) yang mengkaji kesediaan 118 orang pelajar tahun akhir dari Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan di Universiti Teknologi Malaysia dalam menceburi bidang keusahawanan menunjukkan pelajar bersedia untuk menceburi bidang

keusahawanan berdasarkan kepada tahap pengalaman berniaga, pengetahuan keusahawanan dan juga tahap kemahiran keusahawanan yang mereka perolehi. Kajian seterusnya terhadap kesediaan graduan dalam bidang keusahawanan dijalankan oleh Nurul Nadhilah (2012) yang meneliti kesediaan pelajar bidang kejuruteraan elektrik di Politeknik bahagian zon selatan iaitu Politeknik Melaka, Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Merlimau dan Politeknik Port Dickson. Seramai 291 orang pelajar terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa skor min bagi elemen kesediaan yang dikaji iaitu pengetahuan (min 3.60), kemahiran (min 3.45), dorongan (min 3.74), minat (min 3.72), pengalaman (min 3.20) dan kepimpinan (3.80). Kajian ini merumuskan bahawa kesediaan keusahawanan bagi pelajar politeknik berada pada tahap yang sederhana berdasarkan elemen-elemen kesediaan tersebut.

Kajian oleh Iwu, Muresherwa, Nchu dan Eresia-Eke (2020) yang dilaksanakan di Universiti South Afrika terhadap 220 pelajar mendapati 85 peratus dari pelajar ini bersedia untuk menjadi usahawan selepas menamatkan pengajian. Namun begitu kajian yang dijalankan ini hanya fokus kepada pelajar fakulti Sains Pengurusan dan Perniagaan. Kajian oleh Arango-Botero, Arias dan Hincapie (2020) di Medellin Columbia pula telah mendapati keputusan untuk terlibat dalam kerjaya usahawan dipengaruhi oleh sikap dan tingkahlaku. Kajian ini telah dilakukan terhadap 636 pelajar kejuruteraan. Kajian ini mendapati sikap dan tingkahlaku akan mempengaruhi keupayaan individu untuk membangunkan perniagaan.

Kajian kesediaan keusahawanan sedia ada meneliti tahap kesediaan graduan dengan mengaitkan elemen-elemen yang mempengaruhi kesediaan merangkumi elemen minat, kemahiran, pengetahuan, dorongan, pengalaman dan juga kepimpinan. Berbeza dengan kajian sedia ada kajian ini meneliti kesediaan graduan dengan merujuk kepada makna kesediaan iaitu usaha yang dibuat oleh individu serta perkara yang dilaksanakan dalam dalam proses menceburi sesuatu bidang kerjaya tersebut (Mansor, 2001; Mohamed Ramli, 2010; Ahmad Zanzali & Rahmat, 2010) Sejauhmanakah graduan telah melaksanakan serta berusaha untuk menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjaya akan dibincangkan dalam makalah ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah survei. Instrumen kajian iaitu soalselidik telah diedarkan bagi tujuan pengutipan data. Responden kajian ini adalah graduan, iaitu pelajar yang telah tamat pengajian dan bersedia untuk memulakan kerjaya. Kajian ini memilih graduan Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai kes kajian memandangkan graduan UKM kesemuanya telah terlibat dengan kursus asas keusahawanan sebagai pendedahan awal kepada bidang ini. Seramai 400 graduan telah dipilih sebagai responden. Kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu responden kajian adalah graduan yang telah tamat pengajian di UKM. Data yang diperolehi telah dianalisa menggunakan perisian SPSS 23.0. Analisa deskriptif peratusan dan juga analisa min telah digunakan bagi menganalisa data kajian. Hasil Analisa min telah diukur dengan merujuk kepada tahap yang telah digunakan oleh *Education Planning and Research Division, Ministry of Education* (2006) yang mana bagi julat min 1.0 hingga 1.79 menunjukkan tahap kriteria yang sangat rendah. Manakala, pada julat min 1.80 hingga 2.59 menunjukkan tahap kriteria rendah, julat min 2.60 hingga 3.39 sederhana, julat min 3.40 hingga 4.19 tinggi dan seterusnya julat min 4.20 hingga 5.00 menunjukkan tahap kriteria yang sangat tinggi.

Hasil kajian

Hasil kajian membincangkan latarbelakang responden, taburan fakulti pengajian para responden, peratusan pemilihan keusahawanan sebagai bidang kerjaya dan juga tahap kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya.

Latarbelakang responden kajian


Terdapat 400 orang graduan yang telah bersetuju untuk terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Seramai 132 orang adalah graduan lelaki dan 268 orang graduan perempuan yang telah menjawab soal selidik. Graduan ini terdiri daripada pelbagai etnik yang mana etnik Melayu merupakan majoriti iaitu seramai 358 graduan (89.5 peratus), etnik India seramai 25 orang graduan (6.3 peratus), etnik Cina pula seramai 14 graduan (3.5 peratus) dan lain-lain etnik seramai 3 orang graduan (0.8 peratus). Selain itu, mengikut taburan umur pula, kajian mendapati seramai 371 graduan (92.8 peratus) adalah berumur di antara 21 hingga 25 tahun yang mencatat peratus tertinggi daripada jumlah keseluruhan responden. Seterusnya 20 graduan (5.0 peratus) berumur 26 hingga 30 tahun diikuti dengan 8 graduan (2.0 peratus) yang berumur antara 31 hingga 35 tahun dan juga seorang graduan (0.3 peratus) yang berumur antara 36 hingga 40 tahun.

Jadual 1. Maklumat responden kajian.

Perkara	Kategori	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	132	33.0
	Perempuan	268	67.0
Etnik	Melayu	358	89.5
	Cina	14	3.5
	India	25	6.3
	Lain-lain	3	0.8
Agama	Islam	361	90.3
	Buddha	13	3.3
	Hindu	22	5.5
	Lain-lain	4	1.0
Umur	21-25	371	92.8
	26-30	20	5.0
	31-35	8	2.0
	36-40	1	0.3

Graduan yang terlibat adalah graduan dari Fakulti Pergigian (FGG), Fakulti Sains Kesihatan (FSK), Fakulti Pendidikan (FPEND), Fakulti Farmasi (FFAR), Fakulti Perubatan (FPER), Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), Fakulti Sains dan Teknologi (FTSM), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB), Fakulti Pengajian Islam (FPI), Fakulti Sains Teknologi (FST), Fakulti Undang-Undang (FUU) dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Taburan bagi graduan mengikut fakulti pengajian adalah seperti di Rajah 1.

Hasil analisa fakulti pengajian para graduan mendapati peratus tertinggi responden adalah terdiri dari graduan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (21 peratus) diikuti dengan graduan dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (17.5 peratus) dan Fakulti Sains Teknologi (16.3 peratus).



Rajah 1. Taburan graduan mengikut fakulti pengajian.

Kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya

Hasil analisa deskriptif telah dibentangkan dalam Jadual 2. Analisa kajian terhadap soalan adakah graduan bersedia untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya mendapati seramai 42 graduan (10.5 peratus) memberi respon sangat bersedia dan seramai 161 (40.3 peratus) orang graduan telah memilih respon bersedia memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Pada masa yang sama bilangan graduan yang memberi respon kurang bersedia juga agak tinggi iaitu 154 orang graduan atau 38.5 peratus dari keseluruhan jumlah responden.

Manakala bilangan yang memberi respon tidak bersedia dan sangat tidak bersedia didapati agak rendah bilangannya iaitu 29 orang graduan (7.3 peratus) dan 14 orang graduan (3.5 peratus) masing-masing. Dapatan ini menunjukkan bahawa peratusan graduan yang bersedia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya adalah tinggi iaitu 50.8 peratus (gabungan respon sangat bersedia 10.5 peratus dan respon bersedia 40.3 peratus) berbanding dengan peratus graduan yang tidak bersedia untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya iaitu 10.8 peratus sahaja (gabungan respon sangat tidak bersedia 3.5 peratus dan tidak bersedia 7.3 peratus). Malahan peratusan graduan yang bersedia (50.8 peratus) juga melebihi dari peratus graduan yang memberi respon kurang bersedia iaitu 38.5 peratus.


Jadual 2. Kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya

Soalan Kesediaan Graduan	Kategori Jawapan	Bilangan	Peratus (%)
Adakah anda bersedia untuk memilih bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya?	Sangat tidak bersedia	14	3.5
	Tidak bersedia	29	7.3
	Kurang bersedia	154	38.5
	Bersedia	161	40.3
	Sangat bersedia	42	10.5

Peratus kesediaan graduan menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjaya

Kesediaan graduan untuk menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjaya bagi kajian ini diukur melalui enam indikator iaitu 1) bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi usahawan, 2) memandang serius cita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan 3 mempunyai semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan 4) sedang mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan 5) menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan 6) berusaha untuk memulakan perniagaan.

Rajah 2 menunjukkan skor peratusan enam indikator bagi menilai kesediaan graduan dalam memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Secara keseluruhan, skor yang ketara dipilih oleh graduan adalah pilihan bagi skala setuju (S) dan kurang setuju (KS). Sehubungan itu, perbincangan bagi nilai peratusan akan memberi penumpuan kepada tiga skala setuju, kurang setuju dan tidak setuju bagi mendapatkan gambaran secara umum berkaitan hasil kajian ini.




Nota: SS (Sangat Setuju), S (Setuju), KS (Kurang Setuju), TS (Tidak Setuju), STS (Sangat Tidak Setuju)

Rajah 2. Peratus elemen kesediaan graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya

Kesediaan graduan untuk melakukan usaha menjadi usahawan menunjukkan skor skala setuju yang paling tinggi iaitu 47.3 berbanding 35.3 peratus memilih skala kurang bersetuju dan 13.8 peratus memberi respon tidak setuju dengan pernyataan ini. Peratusan graduan bercita-cita serius untuk menceburi dunia keusahawanan juga menunjukkan skor setuju yang tinggi iaitu 44.0 peratus, berbanding 34.8 peratus kurang setuju dan hanya 8.6 peratus memberi respon tidak setuju. Pernyataan yang memperlihatkan semangat yang tinggi untuk menjadi usahawan juga mendapat respon setuju yang tinggi dari para graduan iaitu sebanyak 40.8 peratus berbanding kurang setuju iaitu 34.8 peratus dan respon tidak setuju adalah 9.8 peratus. Pernyataan yang menilai kesediaan graduan mencari peluang memulakan kerjaya usahawan juga menunjukkan skor setuju yang tinggi iaitu 39.0 peratus berbanding skor kurang setuju 33.5 peratus dan respon tidak setuju sebanyak 9.8 peratus sahaja.

Namun begitu, dalam menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan, hasil kajian mendapati lebih tinggi peratus graduan memilih respon kurang setuju iaitu 42.3 peratus berbanding respon bersetuju iaitu 35.5 peratus, manakala graduan yang memberi respon tidak setuju adalah sebanyak 10 peratus. Akhir sekali, pernyataan yang menilai kesediaan graduan untuk melaksanakan usaha memulakan perniagaan pula menunjukkan keputusan nilai peratusan skor yang sama antara setuju dan kurang setuju iaitu 35.8 peratus masing-masing dan skor bagi respon tidak setuju pula adalah 13.8 peratus dan peratusan ini merupakan nilai peratusan skor bagi respon tidak setuju yang paling tinggi berbanding nilai peratusan respon tidak setuju bagi pernyataan-pernyataan yang lain.



Rajah 3. Taburan *Spider Web* indikator kesediaan graduan terhadap keusahawanan sebagai kerjaya.

Respon peratusan skor bagi enam pernyataan yang menilai kesediaan graduan untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada Rajah 2 melalui diagram spider web yang di plot dari data peratusan yang telah dianalisa sebelum ini. Merujuk kepada diagram ini, jelas menunjukkan empat dari enam indikator iaitu pernyataan i) bersedia melakukan usaha menjadi usahawan ii) bercita-cita untuk menceburi dunia usahawan dan iii) bersemangat tinggi menjadi usahawan mempunyai garis jaringan bagi respon skala bersetuju yang paling besar berbanding dengan respon yang lain. Namun begitu bagi indikator dengan pernyataan kesediaan untuk menyasarkan keusahawanan sebagai bidang kerjaya pula menunjukkan garis jaringan bagi skala kurang bersetuju adalah lebih besar berbanding garis jaringan skala bersetuju. Indikator dengan pernyataan berusaha memulakan perniagaan pula menunjukkan titik jaringan yang sama dan bertindan diantara skala setuju dan tidak setuju.

Tahap kesediaan graduan menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjaya

Hasil analisa min telah dijalankan terhadap data respon graduan bagi melihat tahap kesediaan graduan dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya melalui skor min (Rujuk Jadual 3). Pernyataan saya bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi seorang usahawan telah

mencatat tahap skor tertinggi dengan min 3.57 diikuti dengan pernyataan saya memandang serius cita-cita untuk menyertai dunia keusahawanan dengan skor min 3.55. Manakala, pernyataan yang mempunyai skor min terendah adalah saya sedang berusaha untuk memulakan perniagaan saya yang telah mencatat min 3.30. Keseluruhan skor telah membawa kepada skor nilai purata yang tinggi iaitu min 3.46 bagi menunjukkan tahap kesediaan graduan untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya berdasarkan kepada analisa skor min.

Jadual 3. Tahap kesediaan menjadikan keusahawanan sebagai bidang kerjayaan.

Bil	Pernyataan	SP	MIN	Tahap
1	Saya bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi seorang usahawan	0.81	3.57	Tinggi
2	Saya memandang serius cita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan dan perniagaan	0.86	3.55	Tinggi
3	Saya mempunyai semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan	0.93	3.48	Tinggi
4	Saya sedang mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan	0.99	3.46	Tinggi
5	Saya menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan saya	0.89	3.38	Sederhana
6	Saya sedang berusaha untuk memulakan perniagaan saya	0.99	3.30	Sederhana
Purata Skor Min			3.46	Tinggi

Perbincangan

Secara umum, majoriti graduan telah menyatakan kesediaan mereka untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya dengan jumlah puratusan 50.8. Dapatan ini memberi indikasi bahawa majoriti graduan telah mula melihat keusahawanan sebagai pilihan kerjaya selain dari kerjaya makan gaji yang sering menjadi pilihan sebelum ini sebagaimana kajian umum terhadap rakyat Malaysia yang dibuat oleh *Global Entrepreneurship Monitor Global* (2017). Hasil dapatan ini juga memberi indikasi bahawa majoriti graduan telah mula menunjukkan pilihan untuk menyatakan bahawa mereka bersedia untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya melebihi dari peratus umum sebelum ini iaitu hanya 44.1 peratus sahaja rakyat Malaysia yang bersedia memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya.

Kesediaan ini seterusnya diukur melalui tahap kesediaan untuk melaksanakan enam perkara iaitu, bersedia untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi seorang usahawan, memandang serius cita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan dan perniagaan, mempunyai semangat yang tinggi untuk menjadi seorang usahawan, mencari peluang dan sokongan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan, menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan berusaha untuk memulakan perniagaan. Hasil kajian telah menunjukkan skor min yang paling tinggi terhadap kesediaan graduan untuk melakukan apa saja usaha untuk menjadi seorang usahawan (min 3.57) diikuti dengan kesediaan yang ditunjukkan graduan melalui tindakan mereka memandang serius cita-cita untuk menceburi dunia keusahawanan dan perniagaan (min 3.55). Hasil kajian ini memberi indikasi graduan telah menunjukkan kesedian pada tahap tinggi dalam membuat perancangan dan memilih apa yang ingin dilaksanakan pada masa depan sebagaimana yang dinyatakan oleh Mansor (2001) dan Mohamed Ramli (2010) pemilihan kerjaya adalah proses dimana individu memilih dan merancang apa yang akan dilaksanakan dan diusahakan dalam

kehidupan. Justeru, dengan bersetuju untuk memandang serius keusahawanan sebagai cita-cita memberi indikasi bahawa graduan bersedia melalui proses untuk memilih bidang kesahawanan ini sebagai kerjaya dalam kehidupan mereka.

Namun begitu, hasil kajian ini mendapati tindakan yang dilakukan bagi melaksanakan keusahawanan sebagai bidang kerjaya melalui indikator menyasarkan keusahawanan sebagai pekerjaan dan berusaha untuk memulakan perniagaan menunjukkan skor min ditahap sederhana iaitu min 3.38 dan min 3.30 masing-masing. Sedangkan Suhaili (2015) menegaskan kesediaan seseorang bergantung kepada individu itu sendiri dalam melakukan sesuatu yang diinginkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Manakala menurut (Mansor, 2012) dalam membincangkan tentang kerjaya merujuknya sebagai kerja yang diiringi dengan usaha, pekerjaan, tugas atau sesuatu urusan yang dilakukan dengan perbuatan. Sehubungan itu, dalam konteks perbincangan ini, dapatan yang menunjukkan usaha untuk melaksanakan kerjaya usahawan melalui perbuatan memulakan perniagaan berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu dapatan ini jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang meneliti kesediaan graduan ini sebelum ini menunjukkan dapatan yang selari iaitu pada tahap yang sederhana (Malisa Aini, 2009; Nurul Nadhilah, 2012).

Rumusan

Bidang keusahawanan telah dikenalpasti sebagai satu bidang kerjaya yang dapat memberi peluang pekerjaan kepada para graduan dan mengurangkan peratus pengangguran dalam negara. Namun begitu, kesediaan para graduan untuk memilih kerjaya ini masih rendah. Kajian sebelum ini meneliti kesediaan graduan melalui beberapa elemen yang membantu meningkatkan tahap kesediaan graduan iaitu dengan menilai tahap minat, pengetahuan, Kajian ini membuat penelitian berbeza dengan melihat kepada indikator kesediaan melalui respon terhadap usaha dan tindakan yang dilakukan berkaitan dengan kesediaan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya. Hasil kajian ini memberi indikasi bahawa para graduan telah mula memikirkan untuk memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya dengan menjadikan keusahawanan sebagai cita-cita dan membina semangat yang tinggi untuk menceburi bidang keusahawanan. Pada masa yang sama mereka menunjukkan kesediaan untuk melakukan apa sahaja usaha untuk mereka menceburi dunia keusahawanan ini termasuk mencari peluang sokongan yang ada. Namun begitu, graduan yang dikaji belum mempunyai tahap persediaan yang tinggi untuk mereka benar-benar menasaskan keusahawanan sebagai pekerjaan mereka dan juga memulakan perniagaan bagi tujuan ini. Kesediaan pada tahap yang sederhana ini memberi indikasi bahawa, masih ada yang mengenggang para graduan untuk melakukan tindakan terhadap kerjaya keusahawanan pada tahap tinggi. Justeru itu, bagi mencapai Dasar Keusahawanan Negara iaitu untuk menjadikan keusahawanan sebagai satu bidang kerjaya, perkara ini perlu diberikan perhatian. Kajian yang meneliti secara terperinci dari kaca mata graduan yang menjadi penyebab kepada respon tahap sederhana bagi dua elemen ini dicadangkan untuk dijalankan bagi mendapatkan pemahaman lanjut mengenainya. Pemahaman ini dapat membantu para pengubal kurikulum akademik kursus keusahawanan peringkat pengajian tinggi untuk menjadikannya salah satu elemen silibus kursus begitu juga kepada agen pembangunan usahawan negara untuk memberi perhatian kepada perkara ini dalam menyediakan fasiliti pembangunan usahawan di negara ini.

Penghargaan

Perhargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membiayai projek penyelidikan ini dibawah Geran Kecil Penyelidikan FSSK kod SK-2019-004.

Rujukan

- Abdul Rahman, A. (2000). *Pekerjaan dalam kehidupan manusia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Ahmad Zanzali, N. A., & Rahmat, N. (2010). Faktor-Faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia.
- Arango-Botero, D., Arias, M. L. B., & Hincapie, M. (2020). Determinants of entrepreneurial intention among engineering students based on Structural Equation Modeling. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 28(4), 2623-2644.
- Arsat, M., & Rasid, N. A. (2003). Faktor kesediaan pelajar kejuruteraan elektrik dan elektronik dalam pembentukan kerjaya. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Che Din, M. F. (2002). *Pengantar Bimbingan dan Kaunseling*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Bosma, N., Hill, S., Ionescu-Somers, A., Kelley, D., Guerrero, M., & Schott, T. (2021). *Global Entrepreneurship Monitor 2020/2021 Global Report*. Global Entrepreneurship Research Association: London, UK.
- Chen, C. P. (2003). Integrating perspectives in Career Development Theory and Practice. *The Career Development Quarterly*, 51, 203-216.
- Iwu, C. G., Muresherwa, G., Nchu, R., & Eresia-Eke, C. E. (2020). University students' perception of entrepreneurship as a career option. *Academia*, 20-21, 177-201.
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017). *Data graduan Kolej Komuniti yang bekerja sendiri mengikut negeri kolej (2014–2016)*. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Usahawan (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030: Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030*. Malaysia: Putrajaya
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2020). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan 2019*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2010). *Dasar pembangunan keusahawanan institusi pengajian tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi.
- Malisa Aini Noor A. Malek. (2009). Kesediaan pelajar pendidikan teknikal dan kejuruteraan dalam menceburi bidang keusahawanan. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mansor, M. (2001). Tinjauan terhadap faktor-faktor yang berkaitan pemilihan kerjaya pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mansor, N. (2012). Keberkesanan perhidmatan Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya dalam membantu kerjaya pelajar politeknik. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Shahzuan. (2015). Tahap kesediaan peserta Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kecenderungan menceburi keusahawanan di Kolej Komuniti negeri Johor. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- Mok, S. S. (2003). *Psikologi Pendidikan untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 2*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. 43-44.
- Nabi, G., & Holden, R. (2008). Graduate Entrepreneurship: Intentions, Educations and Training. *Educations & Training*, 50(7), 545-551.
- Norasmah, & Salmah. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi skim usahawan siswa. *Jurnal Teknologi*, 56, 47-63.
- Norfadhilah, N., & Halimah, H., (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education*, 35(1), 11-17.
- Nurul Nadhilah. (2012). *Kesediaan Pelajar Politeknik Kejuruteraan Elektrik dalam Menceburi Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Othman, M. Z., Hamzah, R., Norihan, I. S., & Aripin, M.A. (2011). Dua Teras, Satu Destinasi: Pelan Reformasi Strategik PTV ke Arah Pembangunan Sejahtera. *Jurnal Teknologi*, 56, 101-11.
- Ravi, N., & Nor Aishah, B. (2016). The relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among Malaysian Indian undergraduates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Rosna, M., & Norasmah, O. (2018). Korelasi efikasi sendiri keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika*, 88(2), 59-70.
- Sarmila Md Sum, Shamshubaridah Ramlee, Akmal Sabarudin, Norhana Arsad, Murshida Marizan Nor, Zainebbeevi Kamal Batcha, Nurul Asmaa Ramli, & A. Imran Nordin. (2019). Student's Perception on Entrepreneurial Education Programs for Graduate Startups in Selected ASEAN Universities. *International Visual Informatics Conference* (pp. 550-559). Springer, Cham.
- Schien, E. H. (1978). *Career Dynamics: Matching Individual and Organizational Needs*. Reading, M.A: Addison-Wesley.
- Suhaili Hanafi. (2015). Kesediaan Pelajar dari Aspek Kemahiran Teknikal terhadap Pembentukan Kebolehkerjaan di Kolej Vokasional Wilayah Selatan.
- Te, Tie Seng, Arnida Abdullah, & Abdullah Mat Rashid. (2019). Pengaruh faktor terpilih terhadap aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti. *Akademika*, 89(3), 41-52.
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods in Education: An Introduction*. Allyn & Bacon: A Pearson Education Company.